

*Sumpah Berlalu*

# **TUAH MELURU**

(SEKILAS LANGKAWI SELEPAS MAHSURI DIBUNUH)

*Sumpah Berlalu*

# TUAH MELURU

(SEKILAS LANGKAWI SELEPAS MAHSURI DIBUNUH)

ISMAIL HANAPIAH

*diedit oleh:*  
NORAZIT SELAT

Diterbitkan oleh:  
Pancang Perak Enterprise  
Simpang Kenyum  
07000 Langkawi, Kedah Darulaman

*Editor Pengelaras:* Jazamuddin Baharuddin  
*Rekabentuk:* Shahnan Abdullah  
*Foto:* Haji Mohd. Ali Zakaria

Cetakan Pertama 1995

©Hakcipta: Ismail Hamapiah

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian karya ini dalam apa juga bentuk tanpa mendapat keizinan daripada pengarangnya.

M  
959.512

ISM

M 967426

Dicetak oleh:  
United Selangor Press Sdn Bhd  
55100 Kuala Lumpur

28 JAN 1999

PERPUSTAKAAN NEGARA  
Malaysia

## KANDUNGAN

VII	KATA-KATA ALUAN
IX	SEKAPUR SIRIH
1	RESTU ANAK PULAU
2	SINGKAPAN SEIMBAS
10	PERKAMPUNGAN
14	BERDERAU
16	HIBURAN
18	MASJID TUA
20	MASA JEPUN
23	HOSPITAL
24	PERTUTURAN
25	KEBANGKITAN RAKYAT
26	SUMPAH
27	AIR GUNUNG RAYA
28	PAHLAWAN

### CERITA RAKYAT:

30	SI TUKUN
37	PUTERI BUKIT

## KATA-KATA ALUAN

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Ismail Hanapiyah yang telah berjaya menulis untuk memaparkan sejarah perkembangan Langkawi selepas Mahsuri.

Bukunya yang pertama yang berjudul 'Jentayu' telah sedikit sebanyak memberikan gambaran tentang latarbelakang kewujudan Langkawi dan lagenda-lagenda yang berkait-rapat dengan perkembangan sejarah Langkawi. Buku yang kedua ini pula yang diberi tajuk **Sumrah Berlalu Tuah Meluru** akan dapat sedikit sebanyak memberikan pengetahuan kepada umum mengenai perkembangan-perkembangan yang berlaku selepas sejarah Mahsuri.

Walaupun buku ini bukan ditulis sebagai buku ilmiah, tetapi saya percaya ianya sedikit sebanyak dapat membantu pembaca untuk mengenali dengan lebih dekat akan perkembangan yang berlaku di Langkawi sebelum pulau ini dibangunkan sebagaimana sekarang.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada penulis kerana berjaya menyempurnakan penulisan buku ini yang diharap dapat dijadikan bahan bacaan kepada mereka yang berminat mengenai Langkawi.

Terima kasih.



(DATO' ABDUL HALIL BIN ABD. MUTALIB)  
Pengurus Besar,  
Lembaga Pembangunan Langkawi.

## **SEKAPUR SIRIH**

Ini adalah sumbangan kedua saya selepas Jentayu. Seperti buku pertama buku ini juga cuba memaparkan sejarah perkembangan Pulau Langkawi selepas Mahsuri dibunuhi.

Diakui dalam beberapa perkara, buku ini tidak sempurna disebabkan ketiadaan maklumat yang bertulis.

Akhir sekali buku ini tidak dapat ditulis tanpa sumbangan Haji Ismail Abdullah, Karnaruzaman Ghafor dan Ismail Yaacob. Kepada mereka semua saya ucapkan terima kasih.

ISMAIL HANAPIAH

## **RESTU ANAK PULAU**

Cantiknya tanah pertiwi  
Sawah luas gunung berkali  
Deru lambai pepohon menari  
Sorak Sorai anak petani

Dipantai merah cahaya  
Beburung terbang siulan riang  
Anak nelayan nyanyi gembira  
Ayah disayang bilakan pulang

Berkibar merah dan putih  
Lambang rakyat tanda merdeka  
Usah dikau sedih merintih  
Mohon berkat Tuhan yang esa

Aku sering berdoa  
Muga kita kekal bahagia  
Rukun damai sepanjang masa  
Maju bangsa jaya Malaysia.

## SINGKAPAN SEIMBAS

LANGKAWI merupakan kepulauan yang indah dan kaya dengan alam semulajadi. Kewujudan hutan tropikanya yang hijau, pantainya yang putih bersih menjadikan ia unik serta menarik.

Dari sudut geologi, Pulau Langkawi amat istimewa kerana terdapat formasi batuan tertua menjangkau usia 600 - 2000 juta tahun, terdiri dari jenis granitoid, batu pasir, batu lumpur dan batu kapur. Pada mulanya keseluruhan kawasan ini dipercayai kawasan laut yang dalam kemudian terjulang menjadi gugusan kepulauan berjumlah lebih 104 buah. Pulau-pulau yang terbesar adalah Pulau Langkawi (32,180 hektar), Pulau Dayang Bunting (5,091 hektar) dan Pulau Tuba (1,963 hektar). Pulau-pulau kecil yang lain, antaranya adalah:

- Pulau Singa Besar
- Pulau Beras Basah
- Pulau Langgun
- Pulau Timun
- Pulau Rebak Besar
- Pulau Anak Datai
- Pulau Dendang
- Pulau Payar
- Pulau Tepor
- Pulau Tiloi
- Pulau Lalang
- Pulau Pasir
- Pulau Berasmana
- Pulau Tajai
- Pulau Intan
- Pulau Bumbun
- Pulau Paku
- Pulau Buyung
- Pulau Burau
- Pulau Balar
- Pulau Lima
- Pulau Dangli
- Pulau Cabang
- Pulau Kelambaja

Orang-orang tua juga berpendapat Pulau Langkawi konon dahulunya adalah berasal laut berdasar kerana terdapat sisa karangan dan kulit-kulit siput melekat pada batu-batu di dalam bukit-bukit. Batu Menunggu yang letaknya bersebelahan Tanamas adalah satu contoh.

Terdapat ‘sagor’ atau ‘lunas’ serta serpihan tongkang di tengah kawasan sawah yang dikenali sebagai Paya Keling. Mengikut cerita pada masa dahulu sebuah tongkang dari benua keling (India) telah karam disitu.

Melalui Buku Jentayu saya telah pun menyentuh secara ringkas tentang Pulau Langkawi (Lihat tajuk: Langkawi Meniti Zaman).



*Batu Merunggu.*

Singkapan seterusnya, saya secara umum mengutarakan pula kisah Pulau Langkawi selepas Mahsuri dibunuh hingga ke tahun lima puluhan. Sekurang-kurangnya kisah-kisah ini diharapkan dapat dijadikan ukuran tentang perkembangan serta kemajuan yang telah dicapai.

Langkawi adalah sebuah pulau milik Negeri Kedah Darul Aman. Pada peringkat awal pulau ini terbiar dan hanya didiami oleh sebilangan kecil penghuni yang mendiri rumah mereka di kawasan tanah pama di tepi laut dan sungai. Pekerjaan penduduknya adalah berhuma (menanam padi bukit), menjadi nelayan dan ada di antara mereka, terutama dari keturunan orang Aceh, menanam lada di lereng-lereng bukit. Pulau-pulau kecil sekitar pulau induk Langkawi menjadi sarang lanun: Kegiatan mereka adalah merompak tongkang atau perahu pedagang yang melintasi laut Selat Melaka dalam perjalanan ke Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.

Penduduk masa itu mengikut keturunan bolehlah dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu:

1. Keturunan Melayu dari tanah besar semenanjung.
2. Keturunan Indonesia dari Pulau Sumatera (Aceh dan Padang).
3. Keturunan Siam dari tanah persisiran pantai Thailand.

Nama-nama tempat seperti Kilim, Ewa, Itau dan Gunung Raya mungkin diilhamkan oleh mereka. Selain itu bahasa dan kebudayaan juga boleh diambilkira kerana orang di bahagian utara Pulau Langkawi (Kampung Ewa dan Ayer Hangat) kebanyakannya masih bertutur bahasa Siam sesama mereka. Di Kampung Kisap dan Kampung Padang Lalang Kuah penghuni tuanya, bukan sahaja menggunakan bahasa Aceh dan berpegang kepada adat Istiadat mereka, bahkan juga sangat mengambil berat tentang semua aspek kebudayaan mereka untuk diwariskan kepada generasi yang baru.

Dalam tahun 30-an – 40-an penduduk Langkawi berjumlah di dalam lingkungan 5,400 orang; orang Cina lebih kurang 200 orang dan sebilangan kecil keturunan India pula bekerja di sebuah ladang getah.

Pada masa ini jalan raya tidak ada. Penduduk hanya menggunakan lorong atau batas bekas orang menarik kayu. Lorong dan batas yang bengkang-bengkok lagi berbukit itu hanya mampu untuk laluan orang berjalan kaki sahaja. Dalam pertengahan tahun lima puluhan barulah jalan-jalan tersebut diperbaiki oleh kerajaan dengan bantuan orang ramai di bawah arahan penghulu kampung masing-masing. Selepas itu usaha ini telah diteruskan oleh RIDA (sekarang

MARA), termasuk menambah laluan ke tempat tertentu. Jalan tanah merah yang siap dibina adalah sepanjang 36.8 kilometer dan lebar 3.4 meter. Jika di kira dari simpang tiga pekan Kuah, jarak ke utara adalah sejauh 16 kilometer, ke barat 19.2 kilometer, ke timur 1.6 kilometer.

Kuah adalah pekan kecil yang menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran. Terdapat di dalamnya bangunan-bangunan pejabat kerajaan, rumah-rumah pegawai dan sederet rumah kedai kepunyaan orang-orang Aceh dan peniaga Cina. Tapak pekan Kuah yang asal adalah di seberang Sungai Kuah (bersebelahan gerai Majlis Daerah Langkawi-MDL) tetapi kemudiannya berpindah kerana kebakaran. Sebelum pekan Kuah tempat yang menjadi tumpuan ialah Pengkalan, yang sekarang dikenali sebagai Padang Mat Sirat. Tempat ini menjadi tumpuan ramai penduduk Melayu kerana ia berhampiran dengan muara Sungai Melaka dimana banyak perahu nelayan keluar masuk. Perkataan pengkalan itu sendiri bererti pelabuhan. Melaka adalah nama sejenis pokok yang biasa tumbuh di mana-mana terutama di kawasan tanah lembah. Sungai Melaka mungkin seperti negeri Melaka berasaskan rama pokok Melaka, maka kemudiannya kampung dibahagian hulu sungai disebut Kampung



*Kedai Batu yang pertama di Langkawi.*



*Sungai Melaka.*

Hulu Melaka dan kampung dikualanya dipanggil Kampung Kuala Melaka.

Sungai Melaka muara dibarat  
Pantai saujana pasir berkilat  
Jika berduka dalam melarat  
Padah merana sepanjang hayat.

Sungai Melaka dahulunya lebih besar dan dalam airnya, oleh itu perahu serta tongkang boleh masuk terus. Pekan Pengkalan juga telah beberapa kali terbakar dan setiap bencana yang menimpa Pulau Langkawi, baik kebakaran, runtuhan disebabkan ribut kuat atau serangan oleh Siam, orang-orang kampung mengaitkannya dengan sumpah Mahsuri. Kepada mereka Mahsuri tidak bersalah, dia terainaya kerana itu sumpahnya menjadi. Allah sahaja maha mengetahui tentang benar serta hikmahnya.

Orang-orang Kuah, dari penghuni hingga ke penghuni kampungnya melabelkan orang yang tinggal di bahagian lain sebagai 'orang darat'. Namun apa juga panggilan mereka, hal ini tidak menjadi masalah atau menimbulkan kecil hati kerana panggilan ini ada hubungkaitnya dengan daerah datangnya orang-orang tersebut, iaitu jauh di pendalamannya yang kebetulannya di balik bukit, dan sudah



*Sungai Kuah.*

tentu tanahnya adalah lebih tinggi dari paras laut.

Dari arah mana juga, jika kita hendak ke pekan Kuah kita terpaksa berjalan kaki. Jalan terdekat bagi penduduk Hulu Melaka atau Padang Mat Sirat ialah mengikuti Sungai Batu Asah, dan kebiasaananya mereka akan berhenti untuk makan dan berehat di Lubuk Mata Kuching, Sungai Machang. Nama Sungai Petang diberi sempena perjalanan orang-orang Hulu Melaka ke Ayer Hangat bila sampai disitu waktu petang, bagitu sebaliknya jika perjalanan dari Ayer Hangat ke Hulu Melaka.

Bagi ketua-ketua jabatan kerajaan seperti pegawai daerah, jika mereka hendak melawat mukim-mukim atau kampung-kampung di pendalaman di bawah pengawasan mereka, mereka juga terpaksa berjalan kaki. Ada kalanya mereka menaiki 'perusung' yang dipukul oleh orang kampung.

Kesulitan perjalanan bukan sahaja memberi masalah dalam penyampaian berita rasmi dari kerajaan atau pemasyhuran istana tetapi ada kalanya menggelikan hati juga. Contohnya, sedang orang-orang kampung berselera makan kenduri kerana menyambut puasa, tiba-tiba sampai orang memaklumkan hari itu bermulanya puasa. Dengan itu mereka semuanya akan berhenti makan dan serentak berpuasa pula. Begitu juga sebaliknya, mereka sedang berlapar

dahaga kerana berpuasa, antara jam 1.00 atau 2.00 petang, maka sampai pula khabar Hari Raya dibawa oleh pegawai daripada pejabat agama di Kuah, dan dengan itu orang kampung akan tergesa-gesa berbuka puasa dan seterusnya berhari-raya.

Kenderaan pertama masuk ke Pulau Langkawi ialah:

- KERETA — Kepunyaan sebuah syarikat ladang (pada mulanya ladang ubi kayu, kemudian tebu, sekarang getah) yang dipandu oleh pengurusnya Encik Ong Jen (panggilan kampung).
- MOTOSIKAL — Kepunyaan Encik Ishak Abdullah kemudian diikuti oleh Nyak Wahab Hussin dan C. Manggaram.
- BASIKAL — Kepunyaan Haji Dahaman, diikuti oleh seorang Cina yang dikenali sebagai Taukeh Deli.

Sultan atau kerabat diraja yang memerintah Negeri Kedah Darul Aman sejak dahulu lagi memilih Pulau Langkawi sebagai tempat berehat, mencari ketenangan jiwa dan bersuka-sukaan. Keberangkatan baginda, mahupun kerabat diraja adalah mengikut jalan laut dengan bot kerajaan bernama *Langkawi* dan *Langkasuka*. Antara tahun 30-an dan 40-an perhubungan laut Pulau Langkawi dengan tanah besar semenanjung hanyalah melalui Pulau Pinang sahaja. Perjalanan hanya seminggu sekali dengan kapal *Tong Song*, *Tapah Rimba* dan *Setiawan*. Pelayaran ini memakan masa diantara 5 hingga 6 jam. Tidak lama kemudian wujud satu perkhidmatan sebuah bot perumpang bernama *Laksemana* yang membuat perkhidmatan di antara Pulau Langkawi dengan Kuala Kedah. Jika dari Pulau Langkawi bot ini akan singgah di Kuala Sanglang, selepas itu ia berhenti di Kuala Jerlun sebelum masuk ke Kuala Kedah. Jika datangnya dari Kuala Kedah ia akan singgah di Kuala Jerlun, kemudian Kuala Sanglang sebelum meneruskan perjalannya ke pelabuhan Kuah.

Harry pada awal tahun lima puluhan baru muncul sebuah bot milik sebuah syarikat perikanan iaitu Hai Huat Company. Itu pun bagi kerja membawa ikan, pengkalannya di Teluk Baru, Tanjung Pandan di Pulau Langkawi dan Tongkang Yat di Tanah Besar. Pada waktu yang sama terdapat sebuah kapal kargo yang boleh juga ditumpangi berkhidmat di antara Pulau Langkawi dengan Alor Setar. Di Alor Setar pengkalannya ialah di Tanjung Chali. Bagi kesemua ini, hitung-panjang lama pelayaran ialah di antara 4 hingga 5 jam.

Sementara itu ada juga orang-orang Melayu Pulau Langkawi, menyeberangi laut kerana urusan kekeluargaan atau membawa

buah-buahan, rotan dan batu pengasah dengan perahu layar. Pelayaran sendiri seperti ini kerap menempuh kecelakaan kerana karam dipukul ribut. Setiap kapal atau bot yang masuk ke Pelabuhan Kuah akan berlabuh jauh di tengah laut, barang-barang dan penumpang-penumpang akan diangkut oleh sampan-sampan kecil. Jika kebetulan waktu masuk itu air surut, penumpang terpaksa mengharungi air dan lumpur sejauh lebih kurang 250 meter sebelum menjelaki pantai.



*Kubur Lama di Padang Tama.*

Jarak Pulau Langkawi ke:

PULAU PINANG	—	109.0 kilometer
KUALA KEDAH	—	51.5 kilometer
KUALA PERLIS	—	30.0 kilometer

## PERKAMPUNGAN

Perkampungan atau petempatan penduduk pada zaman dahulu berbeza dari kedudukan sekarang. Kubur-kubur lama serta bekas peninggalan mereka menguatkan kenyataan ini.

Di Padang Tama umpamanya terdapat kawasan perkuburan yang luas sehingga dinamai orang Kubur Besar. Sebelum dijadikan tanah rancangan getah kawasan ini dulunya hutan tebal. Begitu juga di Wang Sedang Raya, selain terdapat tanaman seperti kelapa, pinang dan rumbia, ditemui juga lesung indik bersama dengan tapaknya. Segala-galanya ini memberi gambaran bahawa tempat-tempat tersebut dan kawasan persekitarannya adalah pada satu masa dulu sebuah perkampungan.

Seorang tokoh sejarah, daripada Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah, Haji Ismail bin Salleh, mengesahkan ini dan mengikutnya lagi, kubur-kubur Besar di Padang Tama itu tidak sahaja menjadi tempat pengkebumian rakyat biasa dan pembesar masa itu tetapi disitu juga disemadikan pahlawan serta pendekar Pulau Langkawi yang gugur ketika menentang angkatan Siam yang datang menyerang. Kedah adalah di antara negeri Melayu yang sering diserang oleh Siam dan Pulau Langkawi kebetulan menjadi pintu masuk ke negeri Kedah. Dalam serangan orang Siam pada tahun 1921, tawanan yang terdiri dari orang tua, perempuan dan kanak-kanak dikatakan telah dicueuk hidung mereka beramai-ramai dengan rotan seni dan kemudiannya dibawa ke negeri Siam. Sebahagian daripada mangsa tawanan tersebut telah dapat diselamatkan oleh Wan Mohd. Ali atau Panglima Ali sepulangnya dari Pulau Pinang. Wan Mohd. Ali dengan semangat yang berkobar-kobar menuntut bella dengan melanggar seluruh tanah persisiran pantai, dari Temelang sampai ke Sungai Upah dan Ranong (sempadan negeri Burma). Kerana jasa serta pengorbanannya kepada negeri Kedah yang tidak ternilai itu DYMM Sultan Kedah telah melantik beliau menjadi penghulu Pulau Langkawi, menggantikan bapanya, Datuk Pekerma Jaya. Beliau diberi gelaran Datuk Mohd. Ali dan sempena dengan itu dia telah dianugerahkan sehelai bendera sebagai tanda penghormatan.

Telaga Tong adalah tidak asing bagi orang Kuah. Telaga ini merupakan satu-satunya sumber air dari mata air. Airnya banyak



Bendera Wan Mohd. Ali.

sehingga dapat menampung keperluan hampir semua penduduk Kuah ketika musim kemarau. Air Telaga Tong ini tidak pernah kurang walau sebanyak mana diambil, dan sentiasa melimpah keluar melalui bibirnya sehingga menjadi satu saliran kecil. Berpunca daripada saliran tersebut orang-orang kampung telah mengusahakan sawah di sekelilingnya. Bertolak dari sinilah hilang sebutan Telaga Tong dan sebaliknya digantikan pula oleh panggilan baru iaitu Kampung Bendang Baru.

YTM Tunku Abd. Rahman Putera sewaktu menjadi Pegawai Daerah Pulau Langkawi, selain telah membina semula Makam Mahsuri, turut memberi perhatian mengubah-suai bentuk Telaga Tong yang banyak jasanya itu, sayangnya seperti Gua Bukit Putih, Telaga Beracun, Telaga Tong juga telah dimusnahkan oleh pihak tertentu untuk tujuan yang tidak jelas, tetapi nyata telah mengenepikan ciri-ciri khazanah bersejarah Pulau Langkawi, yang boleh memberi manfaat kepada pembangunan pelancongan.

Kampung baru wujud setelah penduduk bertambah atau berlaku sesuatu yang memaksakan mereka berpindah. Orang-orang Padang Tama berpindah kerana kediaman mereka diserangi penyakit berjangkit yang menyebabkan ramai meninggal. Kewujudan Kampung Kuala Muda pula mempunyai ceritanya tersendiri. Pada satu ketika banyak ikan bawal diperairan Kuala Teriang, berita ini sampai ke Kuala Muda menyebabkan ramai nelayan di sana tertumpu memukat dengan menumpang di rumah-rumah kenalan atau keluarga mereka. Setelah merasai hubungan antara mereka dengan orang-orang yang ditumpangi di Pulau Langkawi agak baik dan boleh dibuat keluarga, para nelayan ini telah pulang ke Kuala Muda mengambil anak isteri mereka untuk menetap di Kuala Teriang atau Ranggut. Mereka datang dengan rombongan yang agak besar dengan menaiki beberapa buah perahu. Di tengah laut anggota keluarga mereka dihinggapi penyakit taun dan bila menghampiri pantai orang-orang Kuala Teriang enggan membenarkan mereka mendarat kerana takut dijangkiti penyakit tersebut. Dengan itu mereka terpaksa memilih satu kawasan lain yang berpaya dan ditumbuhinya oleh banyak pokok-pokok gelam. Kampung mereka ini kemudiannya dikenali sebagai Kampung Kuala Muda, bagi mengingati kampung asal mereka.

Umum tahu Kampung Mawat ialah tempat dimana Mahsuri dilahirkan. Mengikut cerita disinilah juga kampung kediaman keluarganya, Pandak Mayah dan Cik Alang.

Penulis telah menemui seorang perempuan tua Šaadiah binti Man tinggal bersebelahan Makam Mahsuri dimana tanah makam itu sendiri adalah tanah pesaka dari datuknya. Menyentuh soal tanah



*Puan Saadiah binti Man.*

kampung mereka, kata nenek berumur 81 tahun itu, datuknya yang meneroka tanah itu bersama beberapa orang rakananya yang datang dari Pulau Pinang, mereka datang bersama keluarga masing-masing. Setelah memilih tempat yang sesuai, kerja pembersihan pun dimulakan, sesungguhnya di situ pada masa itu hutannya tebal.

Dengan tidak diduga dalam semak hutan yang sedang ditebang-tebas itu terdapat beberapa batang nisan, dari sumber lain mungkin dari penghuri kampung-kampung berdekatan mereka diberitahu, sepasang dari nisan itu adalah tempat permakaman Mahsuri yang telah dibunuh kerana dikatakan berangkara dengan Derambang. Dari masa ke semasa kubur itu dikunjungi dan terus mendapat perhatian ramai. Mereka telah memiliki tanah tersebut, sekali dengan bahagian perkuburan Mahsuri, sehingga kawasan kubur itu diambil oleh kerajaan sebahagiannya untuk dibangunkan.

Penulis berpendapat, setelah Mahsuri dibunuh angkara fitnah Wan Mahora, isteri Datuk Penghulu Pekerma Jaya, ayah serta ibunya, iaitu Pandak Mayah dan Cik Alang sangat kecewa dan mereka membuat keputusan meninggalkan Kampung Mawat. Ada kemungkinan pemindahan mereka disertai oleh rakan-rakan yang bersimpati. Keadaan inilah menyebabkan kampung itu menjadi hutan semula. Penemuan keluarga keturunan Mahsuri di Phuket, Thailand adalah sesuatu yang boleh diterima kebenarannya, tetapi persoalannya, apakah anak Mahsuri, iaitu Wan Hakim telah dibawa oleh ayahnya Wan Derus sewaktu keluar merantau atau oleh bapa dan ibu Mahsuri ketika meninggalkan Pulau Langkawi?

## **BERDERAU**

Semangat gotong royong tersemai sejak awal lagi tetapi orang kampung lebih mengenalinya dengan perkataan 'berderau'. Amalan berderau mungkin satu cara yang boleh menambah erat hubungan antara satu dengan yang lain, selain dari berkongsi memikul beban. Kerja-kerja menanam atau menuai padi biasanya dikerjakan secara bekerjasama sehingga selesai kerja-kerja yang menjadi tanggungan setiap ahli mengambil bahagian.

Kerja mengemping dan mengirik padi adalah semacam satu kemestian, apabila habis setiap kerja menuai. Dalam pada alu lesung bertingkahlan ketika mengemping, mereka berbincang dan bertukar pendapat bagaimana hendak memajukan kampung atau melipatgandakan hasil tanaman.

Mengirik adalah kerja melerai padi dari tangkainya. Peringkat awalnya kerja mengirik dilakukan oleh beberapa ekor kerbau yang dibawa berjalan mengelilingi longgokkan padi. Selepas itu diambil-

alah oleh orang kampung bilamana mereka berdiri sambil mengumpal padi dengan kaki. Seperti mengemping padi, mengirik juga boleh dijadikan pesta kerana setiap kali diadakan petani berkumpul beramai-ramai lelaki dan perempuan, sambil mengirik mereka berjual-beli pantun. Setiap pantun selalunya mempunyai makna dan penuh sindiran halus. Berbalas pantun berlaku di antara teruna dan dara, dan peluang ini sering berakhir dengan kehidupan berumah-tangga.

Kahwin lari juga berlaku dan menjadi perkara biasa apabila perhubungan sepasang kekasih tidak direstui oleh keluarga kedua pihak. Gadis yang secara nekat meninggalkan ibu-bapa, kemudian meminta perlindungan di rumah pihak lelaki, diistilahkan 'menonggor'. Kadang-kadang terdapat lelaki juga menonggor di rumah pihak perempuan untuk menyatakan hasratnya. Bila sampai peringkat ini penyelesaian harus dicari dan selalunya berakhir dengan perkahwinan.

Padi-padi dikaki yang lembut  
patah tangkai jatuh berserak  
abang pergi adikkan turut  
tulang berkecaci pisahnya tidak

Alu meningkah bunyi kumandang  
burung tempua terbang ke barat  
turun ke tanah memakan padi  
bukan mudah putus bertandang  
marah keluarga pecahnya adat  
tidak diterima meranalah diri

Untuk membuat kenduri perkahwinan tidaklah menjadi masalah kepada pihak tuan rumah kerana beban serta perbelanjaannya boleh dikongsi bersama oleh ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan sekampung.

Apa yang perlu bagi tuan-rumah ialah menyatakan kadar jumlah panggilannya dan kadar mana persediaannya seperti beras dan lain-lain. Orang-orang kampung yang lain secara sukarela bermasyuarat dan melalui masyuarat terbentuk sebuah jawatankuasa penyelegaraan kenduri. Mereka lah bertanggungjawab menampung sebarang kekurangan dan mereka akan memukat, mendapatkan ikan, berburu mendapatkan kancil, menarik kayu di bukit untuk bahan pembakar dan mendirikan balai. Balai yang dimaksudkan disini adalah rumah tambahan, biasanya di buat bersebelahan dengan serambi. Balai ini berfungsi sebagai tempat makan, tempat menunggu dan berhibur seperti mengadakan acara berendui, belaga kukur, bercerita melalui penglipūrlara dan sebagainya. Rumah kenduri biasanya menjadi tumpuan keluarga sejak awal lagi, 10 atau 20 hari

sebelum diadakan kenduri, untuk kerja-kerja persiapan dan semua kerja-kerja ini dibuat secara bergotong-royong.

Gadis-gadis pula masa itu agak terkongkong. Sekiranya ada keramaian mereka akan keluar berkumpulan ditemani oleh satu atau dua orang perempuan yang lebih tua dari mereka dan sudah berumahtangga. Mereka sentiasa di dalam perhatian keluarga. Perselisihan sering berlaku antara anak muda atau waris mereka berpunca daripada cemburu, malu, pelanggaran adat-resam dan sebagainya. Ketua masyarakat seperti imam, penghulu dan panglima berperanan menyelesaikan masalah berdasarkan semangat muafakat dan tolak-ansur, kecuali perkara-perkara yang melibatkan undang-undang negeri.

## HIBURAN

Teater tradisi Jikey adalah satu-satunya hiburan yang sangat diminati pada masa itu. Setiap kampung ada pasukan Jikeynya sendiri. Pasukan-pasukan Jikey yang bertaburan di setiap kampung ini sentiasa berlumba-lumba di antara satu sama lain mencari pengaruh di kalangan peminat-peminat mereka. Selain dari Jikey, ada juga penganjur yang membawa masuk Wayang Kulit, Menora, Mak Yong, Hadrah dan Ronggeng ke Pulau Langkawi. Keheningan malam yang diisi oleh suasana orang berdikir boleh dikatakan berlaku disetiap kampung. Sesekali kampung-kampung ini didatangi oleh penglipurlara yang menyampaikan cerita seperti Awang Belanga dan Selampit. Di antara ahli-ahli penglipurlara yang terkenal ialah Awang Dogoi, Tok Bahatin Kelam dan Fadzil Ahmad.

Di Kuah terdapat sebuah panggung wayang bangsawan yang didirikan oleh Encik C. Chuharmall, seorang peniaga keturunan India. Tidak lama kemudian telah dibangunkan pula sebuah lagi panggung di pekan Padang Mat Sirat. Melalui panggung-panggung tersebutlah cerita-cerita seperti Indera Bangsawan, Jula Juli Bintang Tujuh yang dipentaskan oleh kumpulan daripada Taiping, Pulau Pinang dan Singapura. Antara primadona, orang muda dan pelawak yang pernah membuat persembahan di Pulau Langkawi ialah Aman Belon, Maimum, Rahman B., Ahmad B., Putih Lawak, Cek Mahmud, Ambiah, Rohani B., Nor K.K., dan Zaharah Agus. Bangsawan yang akhir sekali masuk ke Pulau Langkawi dan membuat persembahannya di panggung Padang Mat Sirat ialah Bintang Timur diikuti oleh Wamanselia Bangsawan.

Bangsawan tidak dapat bertahan lama di pulau sumpahan ini. Selalunya kumpulan-kumpulan itu akan bangkerap kerana kurang sambutan, sedangkan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung adalah tinggi. Anak-anak wayang yang bangsawannya berkubur di sini

sering menghadapi masalah kewangan dan terpaksa mencari jalan pulang sendiri-sendiri. Ada juga di antara mereka yang berkahwin dan terus menetap disini. Kira-kira 400 meter dari persisiran pantai membawa ke tengah laut belakang pasar lama (sekarang Sari Restoran) terdapat satu kawasan yang dulunya daratan. Disinilah letaknya panggung wayang pertama di Pulau Langkawi, dikenali dengan panggilan Panggung Chulai.

Pengaruh wayang gambar mula bertapak di Pulau Langkawi sekitar pertengahan tahun 1955, bilamana masa itu seorang Cina Encik Tan Ching Gee menganjurkan pertunjukan secara bergerak. Kerana panggung (kepuh — yang kalau boleh dipanggil panggung) diperbuat dari kain guni, orang memanggilnya Panggung Guni. Gambar-gambar Hindustan begitu diminati penonton, sekali-sekala ada juga ditayangkan gambar Melayu keluaran Jalan Ampas, Singapura. Panggung Wayang Gambar pertama didirikan di Pulau Langkawi ialah Kim Sun Talkies, letaknya di pekan Kuah. Tidak lama kemudian muncul sebuah lagi di pekan Padang Mat Sirat namanya WARIS.

Panggung Kim Sun menyimpan sejarah sendiri. Melalui muka layarnya orang Langkawi mengenali Dilip Kumar, Madhu Bala, Osman Gumanti, Kasma Booty dan P. Ramlee, tetapi tidak banyak orang tahu yang pentas belakang layarnya menjadi tempat berteduh dan bermain seorang anak kecil yang agak nakal masa muda usianya.

Tinggi sungguh gunung daik  
Nampak jauh bertelau-telau  
Jika sudah benih yang baik  
Jatuh ke laut menjadi pulau

Allah juga yang menentu segala, anak yang saya maksudkan tidak dihantui pengaruh kelilingnya sehingga terbawa bila besarnya menjadi hero layar perak, sebaliknya ia memilih politik sebagai kerjaya hidup. Dalam negara sekarang ini dia sudah menjadi menteri dan tersenarai sebagai pejuang bangsa yang gigih.

Jika ditakdirkan dianya memilih bidang lakonan, tentunya tidak terlepas dari berhadapan saingen untuk memungut anugerah bintang atau menjadi seniman agong, begitu dalam politik dia juga menghadapi musuh seangkatan. Melihat kemampuan fikir serta pidatonya apalagi ditambah warisan semangat peninggalan Iskandar Mahkota Alam yang perkasa bukan mustahil dia boleh melewati rintangan dalam mencapai cita-cita besarnya. INSYAALLAH.

Pekan Pokok Asam, Kuah adalah tempat pertunjukkan bagi semua Mak Yong. Antara peran Mak Yong yang sangat diminati ialah Abu



*Tapak Panggung Wayang Pertama.*

dan Pak Yongnya Cek Ah atau Rafeah. Mak Yong pertama yang masuk ke Langkawi diketuai oleh Ibrahim Gusi, diikuti oleh Mak Yong Dohat.

Perjudian adalah satu perkara yang lumrah dan ini juga menjadi sebahagian dari hiburan orang kampung. Antara jenis judi yang sering diadakan ialah Sabung Ayam, Belaga Kerbau dan lain-lain. Pada hari-hari keramaian seperti hari raya ramai yang menyertai permainan Golek Papan dan Cempelik. Lain-lain permainan yang berlatar-belakangkan penghidupan rakyat ialah Sole, Tol, Wau, Kerbau Liar, Berburu.

## **MASJID TUA**

Orang memanggilnya Masjid Tua mungkin kerana ia didirikan lebih awal dari masjid yang lain. Masjid ini terletak di Kampung Hulu Melaka dan tidak jauh dari Makam Purba.

Anak-anak jemaah masjid tua adalah orang-orang kampung yang tinggal diseluruh Pulau Langkawi. Pada masa dahulu biasanya untuk sembahyang Jumaat mereka akan datang sehari dua lebih awal mengikut jarak jauh tempat mereka. Masjid ini pernah dibakar oleh orang-orang Siam tetapi tidak dimakan api. Sebuah lagi masjid yang



*Tapak Masjid di Bukit Masjid Kedawang.*

agak lama usianya ialah masjid di Bukit Masjid, Kedawang. Sebab-sebab masjid itu didirikan di puncak bukit dikatakan untuk memberi kemudahan bagi meninjau kemasukan perahu-perahu lanun serta musuh dari Siam. Bukit, dimana hanya tinggal bekas tapak masjid sahaja itu sekarang dikenali sebagai Bukit Masjid.

Semasa Negeri Kedah di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajudin Halim Shah II (1797 - 1843) dan mungkin beberapa generasi selepas baginda, Pulau Langkawi dikuasai oleh seorang penghulu sahaja. Selepas Penghulu Datuk Mohd. Ali, yang juga dikenali sebagai Panglima Ali atau Wan Mohd. Ali, tiada catatan rasmi tentang pengganti-pengganti beliau, walaupun terdapat susur keturunannya seperti Wan Mat Saman, Wan Yom dan Wan Nahu. Justeru itu ada sumber mengatakan telah muncul beberapa tokoh dari kalangan penduduk Langkawi sendiri. Disebabkan mereka kuat dan berpengaruh mereka telah menguasai kampung-kampung yang berdekatan. Mereka lebih dikenali sebagai Kueng yang kemudiannya disebut Panglima. Apabila secara rasmi terbentuknya mukim, mereka telah dilantik menjadi penghulu. Gelaran panglima hanya dipakai di kampung-kampung kecil di bawah mukim sahaja. Mukim yang terbentuk ialah mukim Hulu Melaka, Kuah, Kedawang, Ayer Hangat.

Semua penghulu mendapat sokongan padu daripada anak

mukimnya, bagaimanapun penghulu yang agak lebih disebut-sebut ialah penghulu mukim Kuah (Md. Amin b. Arshad) kerana beliau sangat prihatin dan peka dengan permasalahan rakyat, khususnya orang-orang di bawah jagaanya.

Suatu masa berlaku satu peristiwa apabila beberapa orang Jepun sedang mandi sambil bermain-main dalam Tasik Dayang Bunting, tidak semena-mena seorang dari mereka hilang dipercayai disambar buaya. Rakan-rakannya yang lain sangat marah dan berhasrat mengerah orang-orang kampung menimba supaya kering air tasik yang begitu luas itu.

Penghulu Md. Amin, yang diberitahu perkara itu segera datang. Dengan kebolehannya yang agak luar biasa dia menyeru supaya semua buaya yang ada dalam tasik supaya timbul. Beberapa ekor buaya timbul dipermukaan tasik. Penghulu yang kaya ilmu kedunia ini berkata mana yang bersalah segera bawa mayat itu'. Seekor buaya berenang lambat ke sudut lain kemudian datang semula dengan membawa mayat orang Jepun yang dicari itu. Sambil menolih kepada orang-orang Jepun yang sedang menanti di pinggir tasik, dimana salah seorang dari mereka telah bersedia dengan senapang. Penghulu Md. Amin berkata 'jangan apa-apakan dia'. Kejayaan penghulu ini bukan sahaja membuat semua orang Jepun takut kepadanya bahkan telah menyelamat ramai orang-orang Pulau Langkawi dari menjadi korban dendam orang-orang Jepun.

Begitu juga apabila sekali-sekala ada kerabat diraja negeri Kedah yang melawat Tasik Dayang Bunting berhasrat melihat buaya putih yang dikenali sebagai Gulung Bidai, Penghulu Md. Aminlah pawang diminta memanggilnya timbul. Jepun telah menyerah kalah pada tahun 1945 setelah memerintah selama 3 tahun 8 bulan. Selepas peninggalan Jepun, Pulau Langkawi dikuasai oleh orang Cina selama 3 hari. Kemudian ia diperintah oleh Siam selama lebih kurang 2 bulan. Dalam masa pemerintahan Siam, semua sekolah bukan sahaja terpaksa mengibar bendera rasmi Siam, mereka juga mestilah belajar bahasa Siam dan akur kepada peraturan-peraturan yang dikenakan. Keadaan ini berterusan sehingga Inggeris bertapak semula di Tanah Melayu.

## MASA JEPUN

Kemasukan Jepun ke Tanah Melayu pada 9 Disember 1941 turut dirasai peritnya oleh orang Pulau Langkawi. Bahan mentah, termasuk makanan yang sememangnya dibawa dari tanah besar telah tersekat. Wang dalam waktu begini tidak berguna lagi kerana tiada barang yang dapat dibeli. Dengan itu ramai terpaksa berlapar dengan



Tentera Jepun.

Foto Muzium Negara

makan apa yang dapat sahaja. Mereka yang lebih bernasib baik hanya dapat makan nasi sehari sekali. Pakaian hanya tinggal sehelai sepinggang dan tidak kurang yang hanya berselimutkan gundi (guni). Di mana-mana terdengar berita ada orang kampung kena seksa atau kena pukul oleh Jepun. Semua orang kampung dalam ketakutan, apalagi ramai tali-barut Jepun yang berkeliaran, sentiasa mencari peluang untuk bermuka-muka dengan tuannya.

Sesungguhnya dalam pada keburukan menimpa itu ada baiknya juga. Kekerasan tentera dari matahari terbit itu telah mengajar orang kampung berdikari untuk hidup. Bertolak dari keadaan yang menghimpit ini lahirlah usaha dari rakyat membuat garam dari air laut, gula dan madu dari nira kelapa serta nipah, tepung sagu dari rumbia dan nudur, tali dari sabut.

Tidak ramai orang tahu bahawa sebelum ini di pantai Pasir Hitam terdapat lombong bijih dimana ramai orang mendulang. Kesan-kesan perlombongan inilah yang menyebabkan pasir di kawasan itu hitam.

Sanatarium atau sekarang ini dikenali sebagai Sri Samudera adalah rumah persinggahan kerajaan selain daripada dua buah rumah rehat lagi yang terdapat di Padang Mat Sirat dan Hulu Melaka.

Rumah yang dibangunkan pada zaman kolonial ini menjadi tempat penginapan pembesar negeri apabila mereka berada di Pualu



*Sinatarium.*



*Isteri Omar (Fatimah binti Kusim) di kiri dan kanan jalah anaknya dengan Omar (Salmiah).*

Langkawi. Rumah ini terletak di atas bukit bertentangan dengan jeti lama iaitu jeti yang menjadi tempat perhentian bot Langkawi dan Langkasuka. Bangunan sanatarium ini menjadi lebih terkenal pada masa Jepun kerana di sinilah berlakunya pembunuhan seorang anggota polis bernama Omar bin Awang. Beliau dituduh oleh Jepun bersubahat dengan Inggeris apabila menjumpai senjata (ada orang kata kulitnya sahaja) yang tidak diserahkannya kepada pihak Jepun. Allahyarham, yang juga anak tempatan pada mulanya berjaya melarikan diri ke dalam hutan. Apabila diberitahu bahawa keluarga serta anak isterinya telah ditangkap oleh Jepun, dia membuat keputusan menyerah diri demi menyelamatkan mereka dari dihukum. Jepun menyiksa Omar dengan kejam sehingga mati. Mayatnya dimasukkan ke dalam guni sebelum dibenamkan ke dasar laut.

## HOSPITAL

Masa ini tidak ramai orang kampung yang mahu menerima perkhidmatan hospital. Hospital daerah Langkawi agak usang dan jika adapun pesakit hanya pesakit batuk kering yang dibawa dari daratan tanah besar, seolah-olah tempat ini menjadi pusat penempatan penyakit tersebut.



Sebahagian blok hospital lama, Langkawi.

Bagi orang kampung mereka anggap sebagai di dalam penjara sekiranya mereka tinggal di dalam hospital untuk dirawat. Perkara ini berlaku mungkin kerana layanan diterima daripada pegawai-pegawai terbabit pada masa itu tidak begitu memuaskan dan penerangan daripada pihak kerajaan juga agak kurang. Orang-orang kampung lebih memberi tumpuan kepada bomoh untuk mengubati apa juga penyakit. Sehingga tahun 1943 masih terdapat bomoh yang mengepalai orang-orang kampung merjayakan upacara yang dikenali sebagai Ratib Saman bagi menghalau penyakit dari menyerangi kampung. Cara ratib saman, pada mulanya mereka berkumpul di satu tempat kemudian mereka bergerak bersama sambil membaca sesuatu atau ratib sehingga sampai kepinggir kampung.

Lazimnya diadakan juga kenduri tolak bala pada tempat tertentu seperti tepi belukar atau ditepi sungai. Caranya, setelah bomoh selesai membaca mentera dan mengadakan upacara jamuan untuk makluk halus, baki makanan akan diagihkan untuk dimakan oleh peserta yang hadir. Makanan adalah berupa kuih-muih yang dibawa oleh orang kampung sekadar yang mereka mampu.

Pulau Langkawi terkenal dengan tumbuhan-tumbuhan akar, daun, buah ubi dan tumbuhan laut yang banyak khasiatnya untuk perubatan tradisional. Gamat adalah satu-satunya hidupan laut yang mujarab bagi menyembuhkan luka.

Air dari tujuh jenis bunga yang di rendam kemudian di perembun semalam boleh juga dijadikan bahan perubatan bagi menyembuh beberapa jenis penyakit mengikut niat atau permintaan. Sesungguhnya kesedaran tentang Islam yang mendalam mengakibatkan semua amalan yang bertentangan dengan agama akhirnya ditinggalkan. Penempatan pegawai agama Islam seperti kadi dan kehadiran ulama dari tanah besar telah membawa perubahan kepada masyarakat Langkawi. Pada tahun 1944 terbangun sebuah sekolah agama yang pertama di Kuah atas dayausaha beberapa orang anak tempatan yang pulang setelah keluar berguru selama beberapa tahun di Kelantan dan Patani.

## **PERTUTURAN**

Bahasa adalah alat perhubungan dan interaksi di antara individu dengan individu yang lain dalam masyarakat. Bahasa Melayu memiliki ciri-ciri yang melambangkan keperibadian bangsa itu sendiri. Pada umumnya orang-orang Pulau Langkawi bertutur bahasa Melayu kecuali terdapatnya dialek-dialek dikawasan-kawasan Padang Lalang, Ayer Hangat, Kisap dan Kuah. Selain dari perbezaan dialek terdapat juga perbezaan istilah pada perbendaharaan kata. Hal ini

mungkin berlaku kerana dipengaruhi oleh keadaan. Orang Kuah dan orang Padang Mat Sirat disebabkan banyak bercampur dengan orang luar sebutan perkataan mereka lebih sempurna jika dibandingkan dengan orang-orang Hulu Melaka dan Kedawang yang ternyata sangat kasar lagi dalam.

Saya hanya menurunkan beberapa perkataan yang sering digunakan oleh orang Pulau Langkawi dalam perbualan mereka dan maknanya hanya diketahui oleh sesama mereka sahaja:

Lencun	maksudnya	Basah Kuyup
Keloi		Panggil
Ligan/Dedak		Kejar
Ragas		Naik
Bulur atau Bulurk		Lahap
Berkembur		Berbual
Ketegar atau Ketegak		Degil
Hamput		Maki
Jongkiar		Hujung Kayu
Mengkala		Bila
Bertoje		Berdebat
Juah		Menunjuk-nunjuk

## KEBANGKITAN RAKYAT

Pertukaran pemerintah yang bertukar ganti telah memberi banyak pengajaran. Sebarang bentuk penjajahan memang tidak menguntungkan sesiapa bahkan rakyat akan semakin tertekan. Pengistiharan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 menjadikan rakyat lebih bersemangat untuk bangun berjuang memerdekakan Tanah Melayu.

Usaha menubuhkan Malayan Union pada 1 April 1946 oleh Sir Harold MacMichael telah dianggap sebagai pemusnah kuasa raja-raja dan hak bangsa Melayu. Konsep Malayan Union telah ditentang oleh setiap lapisan rakyat. Pulau' Langkawi juga turut melahirkan beberapa pejuang. Di antara mereka ialah Encik Mahmud bin Jabar. Beliau secara berani dan tegas telah mempengaruhi orang-orang kampung bangun menentang Inggeris dengan selogan 'Hidup Melayu', akhirnya beliau ditangkap dan terpaksa merengkok dalam tahanan selama lebih tiga tahun.

Kemasukan parti UMNO telah diterima baik oleh rakyat. Tokoh-tokoh Pulau Langkawi yang menggerakkan parti itu ialah Encik Long bin Jiwa, Encik Ku Hashim bin Ku Salleh, Encik Dahakim bin Md. Sam, Encik Hashim bin Sulaiman, Encik C. Narandas dan Encik Hussin bin Ibrahim. Encik C. Narandas, walaupun dianya bukan

berbangsa Melayu dan berasrama Islam, kegigihannya tidak dapat dinafikan bilamana semua majlis yang disertai oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau ikut serta dengan bersongkok Melayu dan berucap dalam bahasa Melayu yang fasih. Sesungguhnya dia adalah seorang pemidato yang baik kerana beliau pernah berjaya ke peringkat akhir kebangsaan dalam pertandingan pidato anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka mewakili negeri Kedah.

Kemerdekaan 31 Ogos 1957 turut memberi nikmat kepada Pulau Langkawi. Melalui dua dewan undangan (Negeri dan Parlimen) timbul pemimpin-pemimpin dari pilihanraya-pilihanraya yang telah diadakan:

#### PARLIMEN

YTM Tunku Abd. Rahman  
Putra  
Dato' Senu Abd. Rahman  
Dato' Syed Nahar  
Shahabuddin  
Dato' Seri Sanusi Junid

#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Lee Thian Hin  
Encik Omar Muhammad  
Encik Ahmad Haji Hussin  
Encik Fadzil Ahmad  
Dato' Syed Nahar Shahabuddin  
Encik Ismail Yaacob  
Dato' Abu Bakar Taib

#### SUMPAH

Pulau Langkawi tidak akan aman sehingga tujuh keturunan, menjadi padang jarak padang terukur, begitu sumpah Mahsuri. Tujuh keturunan, baik dari keturunan pemerintah negeri Kedah, maksudnya dikira dari sultan yang memerintah, mahupun dikira dari susur galur generasi Mahsuri, dari anaknya Wan Hakim, sudah pun berakhir.

Bertitik darah di pasir  
sepulau didakap gelisah  
penghuni di rundung duka  
Tujuh turunan berakhir  
sepulau bertukar wajah  
rakyat suka berpesta

Pengistiharan Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas pada 1 Januari 1987 menjadi pembuka tirai Langkawi menuju era pembangunan. Tertubuhnya Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) telah menjadi penggerak perubahan minda rakyat mencapai kehidupan yang lebih mencabar menuju wawasan 2020.



*Gunung Raya.*

## AIR GUNUNG RAYA

Kejernihan dan kedinginan air Gunung Raya menjadi sebutan setiap orang, maka itu timbul bidalan Terminum Air Gunung Raya. Ini memberi makna bahawa setiap orang yang sudah terminum air Gunung Raya tidak dapat melupai Pulau Langkawi untuk selamanya. Kata-kata diatas lebih dititik-beratkan kepada orang-orang yang mendatang atau khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berasal dari luar Pulau Langkawi. Pada masa dulu setiap pegawai kerajaan yang ditukarkan ke Pulau Langkawi dianggap sebagai kena buang negeri. Sesungguhnya ramai di kalangan mereka yang bermasalah, umpamanya tidak secocok dengan ketua lalu mereka ditukarkan atau mereka minta ditukarkan kerana menanggung beban hutang terlalu banyak dan terpaksa memencilkan diri dari ditagih. Bagi pegawai yang berpangkat agak tinggi Pulau Langkawi menjadi sekolah bagi mendapatkan pengalaman untuk naik pangkat yang lebih tinggi lagi sebaik sahaja mereka pulang ke daratan tanah besar.

Jika ditinjau pendapat maksudnya mereka yang pernah tinggal di Pulau Langkawi hampir kesemuanya mengakui bahawa Pulau Langkawi adalah seperti tempat mereka sendiri dan sekali-sekala perlu dijengah, walaupun sudah lama balik ke daratan.

YTM Tunku Abdul Rahman Putera pernah pada satu masa dahulu

menjadi pegawai daerah di Pulau Langkawi. Beliau kemudiannya telah memilih pulau ini menjadi kawasan pilihanrayanya. Begitu juga Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad yang pernah menjadi pegawai perubatan daerah Pulau Langkawi pada tahun 1956 hingga 1958. Setelah menjadi Perdana Menteri, beliau sangat mengambil berat tentang pembangunan Pulau Langkawi dan berhasrat menjadikannya pusat pelancongan.

Menyentuh tentang Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir, apalagi bersabit dengan Hospital Daerah Langkawi yang saya berpengalaman menjadi penghuniya melebihi tempoh satu setengah tahun, terimbas kepada saya wajah serta telatah seorang tua bernama Mat Saman Ibrahim. Di antara keistimewaan beliau ialah apabila beliau melihat sesuatu atau berhadapan dengan sebarang keadaan, secara sepontan beliau dapat mengungkapkan pantun dengan menjadikan perkara dan benda dihadapannya sebagai pembayang.

Orang baru di rumah sakit  
kulit putih jambang berbela  
orang baru jagalah sedikit  
dilukan kasih mertua keluarga

Kulit putih jambang berbela  
masuk ke Kedawang memberi ubat  
berteduh di pohon hujan renyai

Sudah kasih mertua keluarga  
anak seorang apakan sangat  
tanah sekebum relakan gadai

Itu adalah kebolehan semulajadi beliau yang tercetus dari rasa seni dan ilham seorang seniman kerdil. Di kalangan sahabat kenalannya, Tok Saman Kalaile (gelaran) dikagumi kerana pantunnya dapat didengar di dalam setiap penyertaannya di temasya mengemping atau mengirik padi. Sesungguhnya Dato' Seri Dr. Mahathir masa itu masih bujang memang menyimpan jambang. Jambangnya tebal memenuhi dagu dan kawasan pipit. Jika keadaan itu berterusan sampai sekarang, pastinya dia akan lebih menarik dan digeruni, mungkin jauh mengatasi kehebatan Presiden Fidel Castro.

## PAHLAWAN

Kalau dalam buku Jeritayu saya memperkenalkan Datuk Pekerma Jaya, anaknya Datuk Mohd. Ali dan Panglima Hitam dengan cerita-cerita kepahlawanan mereka mempertahankan Pulau Langkawi dari ditakluk oleh Slam, melalui buku ini saya akan cuba pula

menampilkkan seorang lagi pendekar yang dikenali sebagai Ali Dagang.

Dagang di sini bererti orang luar atau musafir. Ali Dagang boleh juga disenaraikan sebagai pejuang yang banyak berjasa kepada Pulau Langkawi kerana beliau ikut berperang dalam beberapa perang yang berlaku. Perang tahun 1821 adalah paling besar dalam sejarah Langkawi. Turut terlibat bukan sahaja angkatan darat dan laut, tetapi juga penglibatan orang-orang istana, alim ulama dan rakyat.

Ali Dagang, walaupun bukan berasal daripada Pulau Langkawi, telah ikut berganding bahu dengan pahlawan dan pembesar Langkawi yang lain khususnya di kawasan Padang Tama yang menjadi tempat kediamannya.

Pada mulanya Ali Dagang dan orang-orangnya diberikan tanggungjawab menjaga pertahanan pantai utara. Setelah orang-orang Siam mendarat dikatakan beliau telah menyergah sekutu hatinya dan dari mulutnya keluar api membakar berelong tanah bakau, menyebabkan musuh lari memintas jalan lain. Ali Dagang bergegas pulang untuk memastikan keselamatan orang-orang Padang Tama. Setelah diberitahu bahawa angkatan Siam telah mara dan akan menyerang kampungnya, usahanya yang terakhir ialah mengangkat seketul batu besar sebesar jelapang padi (anggaran lilitan 6.8 meter tinggi 30.6 meter) seorang diri, lalu diletakkannya di antara dua hujung bukit bagi menyukarkan laluan musuh. Batu tersebut dikenali sebagai batu Ali Dagang dan dapat disaksikan sehingga tahun 1980 sebelum ditimbus kerana kerja-kerja pembinaan jalan baru dari Hulu Melaka ke Ayer Hangat. Kehilangan batu tersebut bererti lenyapnya satu kesan sejarah yang sangat bererti.

Sungguhpun Pulau Langkawi terpisah jauh dari daratan dan diceraikan oleh laut Selat Melaka, namun ianya tidak pernah dipencarkan oleh istana Kedah. Ini terbukti apabila pembesar-pembesar Pulau Langkawi diberi gelaran yang setimpal dengan pangkat dan kedudukan mereka. Apabila timbul sebarang masalah dalam negeri mereka dipanggil berunding serta diberi tanggungjawab. Di dalam setiap perang yang berlaku hulubalang dan pahlawan Pulau Langkawi juga dipinta ikut serta bertahan atau menyerang di persisiran, di sungai dan di laut. Datuk Pekerma Jaya, Datuk Mohd. Ali, Panglima Hitam dan Ali Dagang adalah di antara sateria Melayu yang bukan sahaja diakui keperwiraaninya oleh Siam tetapi juga oleh orang-orang Inggeris. Datuk Mohd. Ali lebih menunjuk apabila pada tahun 1838 beliau membantu Tunku Muhammad Saad mengusir orang-orang Siam dari bumi Kedah. Beliau telah diangkat mengetuai angkatan laut sebagai laksamana dan bergelar Datuk Mohd. Ali Setia Segara.

## **SI TUKUN**

Di Pulau Langkawi terdapat sekeping tanah yang menganjur ke laut arah barat dan dikenali sebagai nama Tanjung Cinchin. Kawasan ini berbatu dan tinggi dari paras laut.

Asal nama Tanjung Cinchin agak menarik kerana ceritanya ada persamaannya dengan kisah klasik Jawa, Tankuban Perahu. Mengikut legenda pada satu masa dahulu ada sepasang teruna dara, iaitu Suban dan Mayang, yang begitu kasih-mengasihi di antara satu sama lain tetapi perhubungan mereka tidak direstui oleh keluarga kedua pihak. Oleh itu mereka telah nekad untuk lari meninggalkan kampung halaman mereka kemudiannya telah menetap di sebuah tanjung. Di tanah tanjung yang tiada berpenghuni ini, Suban dan Mayang telah mendirikan sebuah pondok kecil yang letaknya tidak jauh dari laut. Suban bekerja sebagai nelayan dan setiap hari beliau ke laut menangkap ikan. Kesetiaan Mayang teruji apabila beliau sanggup berkongsi keperitan mengharungi cabaran dari masa ke semasa. Mereka berdua merupakan seperti suami isteri yang setia dan rela sehidup semati.

### **KECELAKAAN**

Setelah beberapa lama masa berlalu, Mayang yang cantik dan pernah digilai ramai jejaka kampungnya dahulu telah mengandung. Dalam waktu Mayang sarat mengandung inilah, Suban yang keluar ke laut telah ditimpa kecelakaan. Perahunya telah pecah dan karam dipukul ribut. Suban telah kehilangan nyawanya.

Mayang yang ketiadaan tempat bergantung lagi terpaksa meneruskan baki hidupnya sendirian. Bila sampai waktunya dia telah melahirkan seorang anak lelaki yang diberinama Si Tukun.

Si Tukun dibesarkan dengan penuh kasih sayang. Bagi Mayang anak kandungnya itu adalah satu-satu pesaka yang diharapkannya dapat mewarisi keperibadian suaminya, Suban. Kerana Si Tukun dibesarkan dalam suasana persekitaran pantai dan laut, dia hanya



mampu menjadi nelayan dan hasil tangkapannya telah dapat membantu meringankan beban ibunya.

Antara kegemaran Si Tukun ialah memelihara ayam sabung. Dia mempunyai seekor ayam jantan bernama 'biring'. Pada waktu waktu terluang dia memandikan dan memberinya makan padi. Sejak kecil lagi biring dibiasakan dengan pakan supaya tahan jika bersabung.

Mayang gembira dengan kelakuan anaknya. Sekali-kali dia berlagu, melalui nyanyiannya diselitkan nasihat:

Ooi Si Biringku ekor panjang  
bulu perang lalung kokoknya  
kawan baru pandang-pandang  
belum ketahuan hati budinya

Ooi.Deruan ombak hujung tanjung  
kelocak dibelat lagu-laguan  
orang tamak berkiraikan untung  
kamu melarat ditinggal kawan.

## REMAJA

Si Tukun telah meningkat remaja, tahu pedoman berkira angin, jika ke laut arus tempatnya dan ke bukit-bukau seorang diri.

Angin malam dari hujan petangnya terasa sejuk. Selepas makan Si Tukun duduk di pintu sambil memandang jauh ke pantai, seolah-olah sedang mengimbas masa silam, di mana disitulah tempat ayahnya membanting tulang mencari rezeki dan kemudiannya mati.

Mayang ibunya yang berada di dapur kerana mengemas, datang bersimpuh disisinya, mungkin untuk berbicara sesuatu. Berpaling kepada ibu kesayangannya, Tukun bertanya:

Ada apa apakah Bu!

Mayang menghampiri anaknya dan menjawab:

Engkau sudah dewasa, seperti anak muda yang lain  
ibu mengerti perasaan mu.

Si Tukun terdiam, memandang muka ibunya. Mayang mencapai bekas sirih lalu mengacip pinang. Si Tukun berbangga mempunyai ibu yang bukan sahaja cantik tetapi sangat mengambil berat tentang dirinya. Mayang cuba meneruskari kata-katanya:

Orang muda harus merantau ....  
melintasi teluk lewati kuala  
surut mudik pasang menongkah

timba ilmu dagangan juga  
mungkin ketemuhan pasangan jodoh

Tukun meraih daun pintu supaya lebih luas terbuka. Angin dari laut menerpa dengan lebih banyak, memaksa Mayang berkalih tempat bersandar pada dinding. Tukun berkata tenang:

Bagaimana Tukun meninggalkan ibu  
berat kaki untuk melangkah  
sehari berpisah terasa lama  
disinikan sepiinya terlalu  
siapa kelak mengangkat lukah  
membantu halang ketika bahaya

Mayang memotong:

Usah fikirkan yang bukan-bukan. Ibu rela!  
biar derita menghimpit jiwa  
tabah menanti kepuungan putera  
tidak mengharap emas sesaga  
hanya ilmu penuh di dada.

Tukun menarik nafas panjang, kemudiannya dia bangun menuju ke ruang tengah pondok. Suara derapan ombak dari hujung tanjung jelas terdengar, disusuli bunyi rintik-rintik hujan. Mayang menutup daun pintu dan ikut beredar.

## PAYANG

Tukun telah pergi ke Gunung Mat Cincang mencari kayu merbau. Setelah menemuinya lalu ditebang untuk dijadikan payang. Tukun dengan bantuan ibunya bekerja siang dan malam, akhirnya....

Payang siap sekali kemudi  
tiang cempa geladak jati  
haluan berukir ular lidi  
 lengkap kajang tali temali

Malam itu Mayang semalaman di dapur menyiapkan makanan dan bekalan untuk pelayaran anaknya Tukun. Paginya setelah selesai mandi dan mengenakan pakaian dan sarapan, Tukun bertelut memeluk kaki ibunya serta berkata:

Sebelum kaki langkah dimulai  
makan dan minum pinta halal  
entah bilakah bertemu lagi  
restumu ibu menjadi bekal

Mengkuang seperlak ditebang-tebang  
anyam tikar alas serambi  
tempat dagang tandang sejenak  
    anak seorang jangan dibimbang  
pandai Tukun menjaga diri  
tuah sabut tenggelam tidak

Mayang menahan sedih sambil memegang kepala anaknya. Si Tukun bangun dengan dibantu oleh Mayang. Mereka berjalan seiring menuju pintu yang terbuka. Sesudah menerima bungkusan berisi pakaian dan makanan dari ibunya, Si Tukun sekali lagi mencium kedua tangan ibunya.

Mayang mengeluarkan sebentuk cincin lalu berkata:

Anakku Tukun. Bila kiranya engkau temui seseorang perempuan dan berkenan pada hatimu untuk dijadikan isteri, sarungkanlah cincin ini ke jari manisnya. Jika tiada muat, maksudnya lulus, jangan gagahil, carilah yang lain. Tidak seekor belalang sepadang.

Si Tukun mengangguk. Cincin yang diunjuk oleh Mayang diambilnya. Mayang terasa berat juga melepaskan anaknya. Beliau berkata lagi dalam nada yang lemah:

Pekasam sepat nasi seupih  
air segeluk penghilang dahaga  
tanda ingat lagikan kasih  
mintakan berkat Tuhan yang esa

Jangan dilupa tanah sekangkang  
perigi tujuh dingin airnya  
emak menanti Si Tukun pulang  
minta selamat sepanjang masa

Selepas itu Si Tukun ke reban mengambil ayamnya, lalu dibawanya bersama belayar.

Sepi juga Mayang setelah ketiadaan anaknya. Untuk mengelak dari terlalu turising, saban hari dia bersiar di pantai sambil mencari siput serta karangan laut. Selain itu dia juga gemar ke perigi tujuh Gunung Mat Cincang untuk mandi bersintuk. Mayang mementingkan kecantikan dirinya dan dia suka makan ramuan-ramuan daun serta akar yang boleh memberi khasiat menjaga tubuhnya dari kelihatan tua.

## PELAYARAN

Selang beberapa hari belayar, Si Tukun sampai ke sebuah pulau.

Setelah singgah mengambil bekalan air dan kayu, dia meneruskan perjalanannya ....

angkat sauh tarik temerang  
jatuh kemudi layar yang kembang  
laut luas sayup memandang  
sepekan lama dilambung gelombang

Maka ketemuhan sebuah negeri  
tanah rata bukitnya berkali  
raja memerintah adil sekali  
Tukun mengadap perhamba diri

Lama juga Si Tukun di negeri itu. Kemudian beliau meneruskan pelayarannya dengan ditemani ayam jantannya, Biring.

Si Tukun biasanya tidak lama di sesuatu tempat. Dari sebuah negeri dia berpindah ke sebuah negeri yang lain, sehingga habis selat teluk dilalui, tanjung pulau disinggahinya. Dimana ada orang bersabung ayam dia akan ikut menyabung. Begitu juga jika dia bertemu pendekar dia akan berguru. Apa yang menjadi harapan ibunya Mayang seakan-akan tercapai. Si Tukun kini benar-benar matang, luas pengalaman kerana jauh perjalanan. Kaya ilmu dek banyak guru dituntut. Apa yang kurang padanya ialah setiap gadis yang ditemui dan berkenan pada hatinya untuk dibuat teman hidup, terhalang oleh cincin pemberian ibunya. Tiada juga seorang dari mereka yang jari manisnya lulus atau muat jika diadukan cincin tersebut. Si Tukun jadi bingung dan kecewa.

## TERTIDUR

Si Tukun hilang semangat dan meneruskan perjalanannya dengan payang kayu merbau tanpa tujuan dan matlamat. Sedang Si Tukun belayar, mungkin kerana keletihan, dia tertidur. Payangnya terus melongsor membelah ombak sehingga melepas laut luas. Dalam alunan ombak Si Tukun semakin nyenyak tidur sedangkan matahari sudah lama terbenam dan bulan segalah tinggi.

Biring tiba-tiba terbang berlegar melingkari payangnya dan kemudian hinggap di puncak tiang. Ayam jantan itu berkокok bertalu-talu. Si Tukun terjaga lalu segera memandang ke arah haluan. Dia begitu terperanjat kerana tidak jauh dihadapannya tersergam sebuah pulau dengan pasir pantainya terserlah putih. Si Tukun membuat kemudi untuk mengelakkan payangnya merempuh batu-batu yang berserakan. Sebaik sahaja mencelahi pantai, terdengar nyanyian seorang perempuan begitu merdu suaranya. Si Tukun memasang telinga bagi memastikan arahnya. Setelah itu dia turun

dari perahu. Suara nyanyian yang mendayu-dayu itu membuat Si Tukun tidak sabar. Dia terus berkejar mendapatkannya. Perempuan yang menyanyi terus menyanyi seolah-olah sedang merayu kerana rindukan seseorang.

## MEMADU KASIH

Melihat Si Tukun yang tiba-tiba muncul dihadapannya, perempuan itu terpegun dan segera berhenti dari menyanyi. Fikirannya melayang mengingati seseorang yang pernah bersemadi dilubuk hatinya. Kepada Si Tukun, perempuan yang ditemuinya itu seperti dewi kayangan yang serba istimewa. Badarunya tinggi lampai, rambutnya panjang mengurai dan pada pipinya terdapat lesung pipit. Segala yang ada padanya cukup untuk menjatuhkan hati, walaupun pertama-kali bersua. Si Tukun memberanikan diri dan menghampirinya. Keduanya berpandangan sehingga timbul rasa berahi. Cahaya bulan terang ditambah bintang-bintang berkerlipan menjadikan malam itu lebih indah.

Si Tukun memulakan:

Kenapa tidak menyanyi lagi ...  
suaramu siungguh merdu  
laksana buluh perindu  
sedih menyajat kalbu  
aku tiba tiba jadi kaku

Tiada jawaban diterima. Si Tukun lebih berani dan dia semakin rapat. Pertemuan ini membuat kasih sehingga keduanya tenggelam dalam lamunan. Sedang mereka asyik bercumbuan, Si Tukum teringatkan cincin yang dibawanya. Sebaik sahaja perempuan yang sedang dipangkunya merasa jari manisnya disentuh cincin, dia segera teringat bahawa lelaki itu adalah anaknya sendiri yang telah keluar merantau beberapa musim yang lalu.

Mayang tanpa mengenalkan dirinya kerana tersangat malu, menolak Si Tukun sehingga terjatuh. Kemudian beliau berlari ke hujung tanjung. Si Tukun kehairanan dan mengejarnya dari belakang. Mayang terjun ke dalam laut bersama cincinnya. Si Tukun yang kebingungan ikut terjun untuk menyelamatnya, tetapi tidak berjaya kerana Mayang lebih awal telah tenggelam ke dasar laut yang dalam. Tempat dimana Mayang mati itu disebut orang Tanjung Cincin.

**CATATAN:** Mengikut cerita, pada waktu senja serta hujan renyai ada orang pernah melihat seorang perempuan terkapai-kapai timbul paras pinggang melaung meminta tolong di kawasan selat Tanjung Cincin.

## **PUTERI BUKIT**

Suatu masa yang lampau, ada seorang petani bernama Banai yang tinggal bersendirian di pinggir sebuah gunung. Pekerjaannya ialah bercucuk-tanam dan di antara tanamannya ialah padi bukit.

Apabila sampai musimnya, huma selaut luas itu pun masak menguning. Dalam pada Banai berkira-kira bila dia akan menuai, malam itu kawasan padinya telah dimasuki oleh sekawan babi hutan. Sebahagian kawasannya telah musnah. Banai begitu marah mengenangkan peluhunya yang telah banyak tumpah dengan sia-sia sahaja. Pada malam berikutnya Banai tidak tidur semalam-malam mengawasi humanya dari diceroboh lagi. Bulan hampir jatuh dan beburung berkicau-kicauan menandakan hari telah menjelang siang. Pada waktu inilah beberapa ekor babi dikepalai seekor babi betina putih menghampiri pagar dan cuba menyusup masuk. Banai yang sudah bersedia segera melompat dengan lembingnya. Tikamannya betul-betul mengenai sasaran dan babi yang luka kerana kena tikaman tersungkur mati di situ juga dan yang lainnya bertempiaran lari. Banai agak lega, sangkanya semua babi-babi itu sudah dapat sedikit pengajaran dan pasti tidak berani datang lagi. Sangkaan Banai meleset. Pada malam berikutnya lebih banyak lagi babi datang memusnahkan segala tanamannya. Begitulah keadaannya, semakin dibunuh semakin bertambah banyak yang datang, seolah babi tersebut pantang dicabar. Banai akhirnya takut sendiri dan berkata dalam hatinya:

Babi-babi lari di hutan  
semakin dibunuh tambah jadinya  
rugi-rugi maka biarkan  
daripada diri ditimpah bencana

### **BERJUMPA GURU**

Banai dukacita dan kehilangan akal bagaimana mengatas masalah tersebut. Babi betina putih dengan pengikutnya semakin ganas. Pagi-



pagi lagi Banai mendaki gunung yang berhampiran untuk menemui seorang petapa yang pernah menjadi gurunya. Kepada gurunya diceritakan segala yang berlaku dengan harapan dia akan dapat nasihat dan bantuan. Gurunya bangun perlahan-lahan dan masuk jauh ke dalam gua. Sebentar kemudian dia keluar dengan sebilah lembing bermata emas ditangannya.

"Ambil lembing ini. Setelah selesai pekerjaanmu tolong pulangkan", katanya dengan tenang. Banai mengangguk tanda faham. Selepas mengambil lembing itu Banai segera bersalamans dan meminta diri pulang. Setelah sepenanak lamanya berjalan turun Banai sampai kepondoknya. Setelah berehat seketika, Banai keluar memeriksa pagar humanya. Mana yang patah diganti dan yang condong dibetulkan. Dengan semangat yang tinggi Banai berbisik sendiri "malam nanti lembing mata emas akan bersamak darah". Setelah selesai Banai pun naik ke pondoknya untuk berehat sambil melimaukan mata lembing emas yang dipinjamkan oleh gurunya.

Bulan telah pun mengambang. Burung Kuang berbunyi jauh dan sekali-sekala terdengar anjing menyalak dari arah kampung muara sungai. Banai duduk di celah cabang pokok menanti kedatangan diadului oleh babi putih.

Sewaktu babi-babi itu melintasi bawah pokok, Banai segera terjun dengan lembingnya. Semua babi berkejaran tidak tentu arah. Dengan secepat kilat Banai melontar lembing ditangannya ke arah babi putih, kena tepat pada paha kanannya. Babi putih yang sudah luka itu lari bersama mata lembing yang lekat dipahanya. Banai mengejarnya tetapi tidak sempat lalu hilang dalam cahaya malam yang separuh gelap.

Besok pagi-pagi lagi Banai bangun mengekor jejak babi putih yang lari itu, ianya terdapat kesan darah pada tempat yang tertentu. Semakin jauh dia ke dalam semak semakin hilang kesan-kesan darah tersebut. Banai sangat dukacita memikirkan lembing mata emas yang hilang itu, apatah lagi jarinya untuk memulangkannya kepada gurunya tidak dapat ditunaikan. Sejak itu tiada lagi babi yang datang, bahkan bunyinya juga tiada kedengaran lagi. Namun begitu Banai sentiasa bersedih takut dimurkai gurunya.

## PERADUAN PUTERI

Keadaan dalam gua di sebuah bukit seperti dalam sebuah bilik istana, siap dengan segala peralatan yang dibuat dari barang yang bermutu. Di atas katil terbaring seorang puteri dikelilingi dayang-dayang dan pengawal-pengawal dan kesemuanya dalam keadaan muram. Puteri yang cantik itu nyata dalam kesakitan amat. Matanya merah digenangi air dan sebahagiannya telah pun jatuh membasihi pipinya.

Sebentar kemudian, masuk seorang hulubalang menghampiri peraduan puteri, lalu menghadap:

Ampun tuanku! Sembah patik harap diampun  
puas patik meredah belukar  
nelayan petani telah ditemui  
namun tiada dukun yang pintar  
sanggup mengubat sakit puteri.

Puteri yang sakit memandang kepada hulubalangnya dan kemudian bersuara perlahan-lahan, di antara dengar dengan tidak,

Sakit beta tiada tertanggung  
elok segera ke kaki gunung ....  
Pukul-pukul canang bertalu  
sampai khabaran orang di sana  
ada dukun manalah tabu  
bawa mengadap dengan segera  
dan katakan lagi ....

Semua berpaling kepada puteri. Hulubalang yang dititahkan segera mcelah dengan hormat:

Katakan apa tuanku?

Puteri menggagahi bangun, tetapi dia tidak berdaya. Dia memandang mereka yang hadir satu-satu dan kemudian matanya tertumpu kepada hulubalangnya:

Jika beta sembuh seperti sediakala dan kebetulan dukunnya seorang lelaki, dia bakal suami beta. Sebaliknya jika seorang perempuan ambillah apa saja dari harta yang ada disini semahunya, beta izinkan.

## CANANG BERBUNYI

Canang pun dipalu oranglah. Khabar pun tersibar di dusun dan di desa. Banai di datangi seorang sahabatnya dari kampung seberang memberitahunya perihal puteri sedang sakit dalam gua.

Banai tidak berhajat niengahwini seorang puteri walau secantik manapun parasnya. Apa yang perlu baginya ialah harta, kalau-kalau ini dapat mengubah nasibnya dan dia pun bersiap untuk mengadap puteri yang sedang sakit itu. Setelah mengenakan selengkap pakaian serba hitam, beserta tanjak dan sampin, dia melangkah menuju gua dimaksudkan. Seperti biasa Banai pergi seorang diri ke gua tersebut dengan ditemani oleh seorang pengawal. Kemudiannya dia dibawa

masuk menemui puteri. Tuan puteri agak terperanjat. Orang lain yang hadir juga ketakutan. Banai mara perlahan-lahan dan duduk hampir dengan katil lalu mengangkat sembah:

Anipun tuanku cantik-berseri  
hamba mengadap perhamba diri  
hajat mengubat sakit puteri

Puteri di atas beringan tergamam dan kemudiannya dia mengangguk. Banai membetulkan duduknya dan meminta segeluk air. Seorang dayang masuk mengambil air dan memberikannya kepada Banai.

Banai berseru, menyabut nama gurunya. Kemudian dia berserapah. Sesudah itu dia meminta izin:

Wahai puteri!  
Izinkan hamba merenjis air ini bermula dari kepala sampai ke kaki.  
Biarlah hendaknya tersentuh tempat sakit.

Puteri mengangguk tanda membenarkan. Suasana sepi, dayang dan pengawal tiada berkata sepatah pun. Banai bangun dari duduknya, dan selepas air dari dalam geluk direnjiskan pada bahagian yang dimaksudkan lalu selepas itu dia pun duduk disisi puteri. Puteri memberi isyarat menunjukkan dimana tempat sakitnya. Banai dalam keadaan teragak memberanikan diri menyentuh paha kanan puteri. Sebaik tangan kasar Banai memcecahi kulit puteri yang putih lembut itu, puteri menjerit kerana tersangat sakit. Banai terdiam, dia seperti tersentuh benda keras yang menusuk, sedangkan diluarnya tiada kesan darah. Setelah Tuan Puteri kurang sakitnya, Banai bertanya:

"Boleh hamba teruskan?"

Puteri memandang muka Banai tepat. Mereka berpandangan lama. Banai faham maksud pandangan itu, menyuruh dia meneruskan pekerjaannya. Banai lagi sekali memegang tempat keras di paha kanan Tuan Puteri dan kali ini dia lebih bersungguh-sungguh. Dalam pada puteri meraung kerana kesakitan itu, Banai berjaya mengeluarkan benda yang menusuk pada Tuan Puteri itu. Alangkah terperanjat bila dilihatnya benda itu adalah mata leming emas yang dicari-carinya. Setelah tempat luka yang mula berdarah itu dibalutinya, Banai meminta diri untuk cuba mengenakan mata leming itu dengan batangnya yang tersimpan di pendoknya. Dia ingin tahu sama ada mata leming itu adalah mata leming emas milik gurunya yang hilang dilarikan oleh babi putih dahulu. Permintaan Banai diperkenankan oleh Tuan Puteri. Dia mengarah beberapa orang pengawal mengiringi Banai sehingga ke pintu gua.

## **KECUNDANG**

Mata leming itu diadukan pada batangnya dan nyata dapat masuk dengan elok. Banai bagitu yakin itulah mata leming milik gurunya yang hilang tempoh hari. Oleh kerana tersangat gembira dia segera berpatah-balik ke tempat persemanyaman Tuan Puteri. Dia berjalan dengan begitu pantas dan kadangkala dia berlari anak. Dalam kepala Banai tergambar Tuan Puteri yang sembuh dari sakitnya bangun menantinya dengan wajah yang berseri. Kehadirannya kali ini bukan sebagai dukun Banai yang miskin melarap tetapi seakan-akan seorang putera raja yang kelak diberi sambutan dengan penuh istiadat, padan sebagai bakal suami seorang puteri dan raja sebuah negeri.

Banai sampai ketika matahari hampir terbenam. Gua batu tersergam menanti tanpa penghuni. Banai terus masuk sehingga jauh ke dalam tetapi apa yang dilihatnya hanya kesan peringgalan babi-babi serta sisa makaman yang berserakan. Gua yang begitu indah dalam khayalannya telah bertukar menjadi hodoh dan sunyi sepi. Dalam Banai berfikir tentang keanihan yang dihadapinya, terdengar bunyi seperti ribut. Banai menoleh ke arah mulut gua, kelihatan berterbangan sekumpulan besar kelawar berebutan keluar, mungkin kerana ketakutan atau masanya sudah sampai untuk mencari habuan.

Hari telah mulai gelap dan Banai pun melangkah longlai pulang dengan perasaan yang kecundang. Gua tempat bersemayam puteri itu dikenali sekarang sebagai Gua Bukit Putih.

Bukit Putih istana hinggap  
lembing puaka mata beracun  
puteri derita nangis sehari

Jika kasih jamah sesuap  
mudahan tak lupa sepanjang tahun  
entah bila bertemu lagi

Hanyut upih di Kuala Melaka  
pinang semanyang tangkai terbuang  
kalau boleh sehari dua  
dapat kenangan dibawa pulang

Sungai Tepa muara berbatu  
sukar berlabuh perahu payang  
dipandang apa orangnya hulu  
rupa buruk bahasa pun kurang